

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] minta **MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah bentuk dan jumlah bantuan yang telah diberikan kepada Kerajaan Kelantan melalui Air Kelantan Sdn. Bhd. bagi menyelesaikan masalah air di Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), bantuan kewangan bagi tujuan menyelesaikan masalah air di Kelantan yang telah dibelanjakan adalah berjumlah RM1.073 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM907 juta adalah secara pinjaman, sementara bakinya sebanyak RM166 juta adalah secara geran.

SOALAN NO : 14

2. Sementara itu kos projek yang telah diluluskan dalam dalam *Rolling Plan 1* (RP1) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pula adalah sebanyak RM196.6juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM53.7juta adalah secara pinjaman dan baki berjumlah RM142.9 juta adalah secara geran.

3. Pada masa yang sama pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah menyediakan pembiayaan berjumlah RM664.8 juta bagi kerja-kerja perbelanjaan modal (CAPEX) bagi tempoh Operasi Keempat (OP4) (2021-2023).

4. Bagi menyediakan pelan jangka panjang sumber air Kelantan sehingga tahun 2050, satu perancangan teknikal sumber air Kelantan akan dilaksanakan pada November ini yang akan menilai kebolehpayaan untuk membina Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) antaranya TAPS Machang dan TAPS Tok Uban yang dilihat berpotensi untuk membekalkan air yang mencukupi ke hampir keseluruhan jajahan di utara Kelantan terutamanya Kota Bharu, Machang, Pasir Puteh, Tumpat, Bachok, Pasir Mas dan Tanah Merah.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada bantuan kewangan, Kerajaan Persekutuan juga memberikan bantuan khidmat nasihat teknikal dan bantuan CSR yang diterajui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan bekalan air di Kelantan.

Sekian, terima kasih.